

## **Dadah: Bekas pembantu gerai dipenjarakan 18 tahun**

2011/12/28

GEORGETOWN: Mahkamah Tinggi di sini hari ini menjatuhkan hukuman penjara 18 tahun dan 10 sebatan terhadap seorang bekas pembantu gerai makanan selepas didapati bersalah memiliki dadah jenis kanabis awal tahun ini.

Hakim Datuk Zamani A Rahim memerintahkan supaya hukuman terhadap Noor Azman Abidin, 40, itu dijalankan dari tarikh dia ditangkap di kawasan letak kereta belakang Pasar Raya Sunshine di Air Itam di sini pada jam 3 petang 5 Januari lalu kerana memiliki kanabis seberat 1,941 gram.

Bapa kepada tiga anak itu didakwa mengikut Seksyen 39A(2) akta sama yang menetapkan hukuman penjara seumur hidup atau tidak kurang lima tahun dan tidak kurang 10 sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Saliza Ismail, manakala tertuduh diwakili peguam, Hussaini Abdul Rashid.

Terdahulu dalam prosiding hari ini, Hussaini memohon mahkamah untuk mengenakan hukuman penjara yang ringan dan bukannya seumur hidup bagi memastikan kehidupan keluarga tertuduh terjamin kerana isterinya tidak bekerja dan dua daripada tiga anaknya masih bersekolah. -

BERNAMA